

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN
[PONTIAN]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan untuk memperbaiki kehidupan pekebun kecil di seluruh negara dan bagaimanakah perkembangan program aktiviti ekonomi untuk tambah pendapatan rakyat yang diusahakan RISDA, FELCRA, PERDA, KETENGAH, KESEDAR, dan KEJORA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai perancangan untuk memperbaiki kehidupan pekebun kecil di seluruh negara, Kementerian melalui **RISDA** telah membentuk Model Perancangan Strategik RISDA (MPSR) Tahun 2021 – 2025. Melalui MPSR 2021 – 2025, sebanyak empat (4) teras, 12 inisiatif dan 33 program/projek yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Program-program yang dirancang ialah:

- i. Tanam Semula Getah (TSG);
- ii. Tanam Semula Getah Sambungan (TSGS);
- iii. Angkutan Kawasan Pedalaman;

- iv. Bantuan Tabung Pelancaran (BTP);
- v. Pengembangan;
- vi. Prasarana Asas Pertanian (PAP);
- vii. Skim Getah Matang (SGM);
- viii. Kemudahan Infrastruktur Pemasaran (KIP);
- ix. Pembangunan Hasil Baharu Agromakanan; dan
- x. Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dan Keusahawanan

Dari segi perkembangan program aktiviti ekonomi, RISDA melaksanakan Program AET dan Keusahawanan, dan telah berjaya membelanjakan sejumlah RM164.15 juta daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM165.64 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Seramai 14,543 orang usahawan pekebun kecil telah berjaya dibantu untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Program AET dan Keusahawanan ini diteruskan pelaksanaannya bagi tempoh RMKe-12 iaitu sepanjang tahu 2021 hingga 2025 melibatkan kos projek yang berjumlah RM336.47 juta dan akan memberi manfaat kepada 35,510 orang usahawan pekebun kecil. Bagi tahun 2021, sejumlah RM20.19 juta telah diperuntukkan dan akan memberi manfaat kepada seramai 2,212 orang usahawan pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 12 program yang telah/sedang dijalankan oleh **FELCRA** yang memberi manfaat serta menaiktaraf kehidupan kepada warga peserta. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Program Kelestarian Dan Kemampunan Infrastruktur Pelancongan Desa;
- ii. Program *Urban Farming* - Tanaman Kontan Secara Fertigasi;
- iii. Program Menaik Taraf Premis Perniagaan;
- iv. Program Promosi Dan Pemasaran Produk Usahawan;
- v. Program Pembangunan Modal Insan Peserta FELCRA;
- vi. Program Tanaman Kontan Dan Herba Secara Fertigasi Untuk Belia Dan Wanita FELCRA

Tuan Yang di-Pertua,

PERDA pula tidak melaksanakan sebarang program melibatkan pembangunan pekebun kecil. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti pembangunan ekonomi untuk peningkatan pendapatan rakyat, PERDA telah dan sedang menyediakan pelbagai insentif kepada usahawan-usahawan kecil di bawah bimbingannya untuk meneruskan perniagaan masing-masing seperti program-program berikut:

- i. Pemberian moratorium kepada usahawan;
- ii. Pengecualian sewaan premis perniagaan PERDA;
- iii. Pengecualian sewaan tanah PERDA kepada petani;
- iv. Skim Pinjaman Mudah Perniagaan (SPiM);
- v. Program promosi produk usahawan secara maya dan fizikal;
- vi. Penganjuran latihan dan kursus secara webinar;
- vii. Program naik taraf premis perniagaan usahawan bimbingan; dan
- viii. Program naik taraf premis kemudahan pelancongan desa.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak **KETENGAH** turut tidak melaksanakan sebarang program melibatkan pekebun kecil dalam aktiviti peladangan komoditi kelapa sawit dalam Wilayah KETENGAH. Aktiviti peladangan kelapa sawit yang dijalankan adalah melalui anak syarikat dan syarikat usahasama KETENGAH sahaja. Namun demikian, bagi pembangunan ekonomi, KETENGAH telah melaksanakan program-program seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Desa Lestari, Program Bantuan Peralatan Perniagaan, Program Bantuan Input Pertanian dan Ternakan serta Projek Pertanian Berkelompok dan Fertigasi.

Pelaksanaan program-program ini melibatkan 2,190 penerima manfaat yang terdiri daripada usahawan, peserta e-Kasih, golongan B40 dan koperasi komuniti dalam wilayah KETENGAH dengan peruntukan berjumlah RM28 juta. Pembangunan program ini telah memberi tambahan

SOALAN NO : 25

pendapatan sebanyak RM500.00 hingga RM2,500.00 kepada penerima manfaat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Perkembangan aktiviti ekonomi untuk pertambahan pendapatan rakyat yang diusahakan **KESEDAR** adalah meliputi beberapa program pembangunan seperti berikut:

- i. Program Keusahawanan
 - a. Integpreneur Belia Wilayah KESEDAR;
 - b. Projek Industri Kotej Bersepadu; dan
 - c. Program Peningkatan Kualiti Produk.

- ii. Ladang Peneroka KESEDAR iaitu KESEDAR menguruskan Program Tanam Semula bagi kawasan seluas 11,855 hektar ladang sawit bagi pihak 2,228 peneroka KESEDAR di 9 buah Rancangan Kemajuan Tanah.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, **KEJORA** sentiasa melaksanakan pelbagai usaha dan program aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan penduduk di wilayah KEJORA. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Projek Pembangunan Ternakan Sarang Burung Walit berkelompok Kg. Belukar Durian;

- ii. Program Komuniti Sejahtera (PKS) yang merupakan program bantuan kewangan dalam bentuk pulangan dividen dan perkongsian keuntungan kepada kumpulan sasaran;

- iii. Ternakan lebah kelulut yang diusahakan oleh Koperasi Kg. Baru Sungai Seluyut Kota Tinggi Berhad;

SOALAN NO : 25

- iv. Skim Pembiayaan Ekonomi Pertanian (SPEP) iaitu program bantuan peralatan pertanian;
- v. Program Projek Ekonomi Pertanian Berskala Kecil bertujuan untuk menggalakkan penglibatan peserta kursus pertanian di sekitar wilayah KEJORA;
- vi. Program Skim Bantuan Modal Niaga (SBMN) yang merupakan bantuan dalam bentuk peralatan yang boleh membantu meningkatkan pengeluaran hasil produk usahawan;
- vii. Latihan Keusahawanan, Program Promosi Produk usahawan secara online serta Program Transformasi Kualiti Produk (KEJORA BEST);
- viii. Terdapat juga usaha yang dilakukan bagi memastikan kemudahan prasarana perniagaan seperti premis dan ruang niaga sentiasa dalam keadaan sempurna untuk kemudahan penyewa menjalankan perniagaan; dan
- ix. Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) iaitu pemberian geran padanan 70:30.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kerajaan ingin mengetat dan menaikkan lagi denda di bawah Akta Racun 1952 bagi mereka yang memiliki dan menjual cecair rokok elektronik yang mengandungi nikotin bagi membendung generasi muda terlibat dengan unsur yang tidak sihat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan kini sedang dalam proses meminda Akta Racun 1952 bagi mengemas kini Akta tersebut agar selaras dengan keperluan semasa. Pindaan ini melibatkan peruntukkan peningkatan hukuman termasuklah denda bagi kesalahan-kesalahan berkaitan racun.
2. Buat masa ini, nikotin yang terdapat dalam cecair vape telah disenaraikan sebagai racun Kumpulan C di bawah Jadual Pertama, Akta Racun 1952. Terdapat kawalan ke atas aktiviti seperti pengimportan, pengilangan, penjualan dan pembekalan di bawah Akta Racun 1952. Di bawah akta ini penjualan nikotin hanya boleh dilakukan oleh ahli farmasi berlesen atau pengamal perubatan berdaftar **untuk rawatan perubatan sahaja**. Penjualan sediaan mengandungi nikotin bagi tujuan selain daripada untuk rawatan perubatan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Racun 1952.
3. Sesiapa yang melakukan kesalahan di bawah Akta Racun 1952 dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum dengan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.